

TANAM KUKU

Soalan:

Apakah benar pendapat mengatakan wajib menanam kuku yang telah dipotong?

Jawapan:

Semua ketahui bahawa memotong kuku memang disyorkan. Ini kerana, ia termasuk fitrah yang sudah menjadi keperluan. Selain itu, tidak berdosa membuang kuku-kuku yang telah dipotong dan tidak perlu menanamnya.

Menurut pendapat saya, tidak mengapa menanamnya jika bimbang ia akan digunakan oleh tukang sihir atau diambil oleh orang yang ingin mengkhianati kita. Wallahu a'lam.

AFDAL CABUT BULU KETIAK

Soalan:

Mana lebih baik, dicabut bulu ketiak atau dicukur?

Jawapan:

Sebenarnya, boleh mencukur bulu ketiak. Paling penting, ia hendaklah dibuang sama ada dicukur atau dicabut. Menurut pendapat saya, afdal mencabut bulu ketiak jika tidak menyakitkan berdasarkan umum hadis:

الفِطْرَةُ خَمْسٌ : الْخِتَانُ وَقَصُّ الشَّارِبِ وَقَلْمُ الظَّفْرِ وَتَنْفُ الْأَبْطِ وَحَلْقُ الْعَانَةِ

Maksudnya:

“Termasuk fitrah (sifat semulajadi) ialah berkhitan, menipiskan misai, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan mencukur bulu ari-ari.” –

Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

KUKU PANJANG

Soalan:

Apakah hukum lelaki atau wanita menyimpan kuku panjang?

Jawapan:

Memotong kuku termasuk sunnah semulajadi yang perlu dilakukan.

الْفِطْرَةُ خَمْسٌ : الْحِيتَانُ وَقَصُّ الشَّارِبِ وَقَلَمُ الظَّفْرِ وَتَنْفِ الْإِبْطِ وَحَلْقُ الْعَانَةِ

Maksudnya:

“Termasuk fitrah (sifat semulajadi) ialah berkhitan, menipiskan misai, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan mencukur bulu ari-ari.” –

Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Apatah lagi, Nabi s.a.w telah menetapkan had waktu yang perlu dipotong semua itu. Anas bin Malik r.a berkata:

وَقَتَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قَصِّ الشَّارِبِ وَقَلَمِ الظَّفْرِ وَتَنْفِ الْإِبْطِ وَحَلْقِ الْعَانَةِ أَلَّا تَتْرُكَ ذَلِكَ أَكْثَرَ مِنْ أَرْبَعِينَ يَوْمًا

Maksudnya:

“Rasulullah s.a.w telah menetapkan bagi kami waktu yang sesuai untuk menipiskan misai, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan memotong bulu ari-ari. Baginda berpesan agar tidak meninggalkan perbuatan itu paling lama tidak melebihi 40 hari.” – Hadis riwayat Ahmad, Muslim dan al-Nasaai.

Sesiapa yang tidak memotong kuku jelas sekali dia menyanggahi sunnah. Hikmah di sebalik perintah itu agar dapat menjaga kebersihan, kotoran tidak melekat di bawah kuku, tidak meniru gaya bukan Islam atau menyerupai binatang kerana ia tidak memotong kuku. Wallahu a'lam.

MENCUKUR BULU DADA DAN BULU DI BAWAH PUSAT

Soalan:

Apakah hukum lelaki mencukur bulu dada dan bulu di bawah pusat hingga ke pangkal kemaluan? Bagaimana pula dengan bulu yang terdapat di sekitar lubang dubur?

Jawapan:

Mencukur bulu dada tidak termasuk sunnah semulajadi yang perlu dilakukan. Menurut pendapat saya, jika terlalu banyak harus membuangnya hingga mengaibkan. Mengenai hukum yang dibahaskan oleh ulama adalah sunnah mencukur bulu ari-ari (الإستحداد) sebagaimana tsabit di dalam hadis sahih al-Bukhari. Malah, Nabi s.a.w telah memerintahkan agar ia tidak dibiarkan panjang melebihi 40 hari sebagaimana tercatat di dalam sahih al-Bukhari dan Muslim.

Para ulama telah menunjukkan adab ketika mencukur. Antara apa yang dinyatakan, sunat memulakan cukuran bermula daripada bulu di bawah pusat. Seterusnya, dicukur ke sebelah kanan diikuti sebelah kiri.

Selain itu berdasarkan hikmah di sebalik mencukur bulu menurut pemahaman saya, harus mencukur bulu di sekitar lubang dubur jika terlalu panjang dan berkait rapat dengan masalah najis. Ini kerana, tujuan memotong atau mencukur demi menjaga kebersihan dan kesempurnaan cara bersuci.

Justeru, apa-apa sahaja yang berada di tubuh badan yang boleh menghasilkan kotoran dan najis, perbuatan membuangnya sudah tentu termasuk perkara harus bagi lelaki dan wanita. Wallahu a'lam.

ANAK GANGGU SOLAT**Soalan:**

Saya seorang suri rumah. Apabila ingin solat, anak-anak selalu mengganggu solat saya. Kadang-kadang dia memanjat belakang, duduk di atas sejadah,

melintas, memegang kaki atau duduk di atas paha ketika saya membaca tahiyat. Apakah solat saya terbatal?

Jawapan:

Semua perbuatan di atas tidak merosakkan atau membatalkan solat kamu. Tsabit perbuatan Nabi s.a.w mendukung cucunya ketika solat. Abu Qatadah r.a berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي وَهُوَ حَامِلٌ أُمَامَةَ بِنْتِ زَيْنَبِ بِنْتِ رَسُولِ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَايِي الْعَاصِ بْنِ رَبِيعَةَ بْنِ عَبْدِ شَمْسٍ فَإِذَا سَجَدَ وَضَعَهَا وَإِذَا
قَامَ حَمَلَهَا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Rasulullah s.a.w apabila solat, kadang-kadang baginda mendukung Umamah binti Zainab binti Rasulullah anak kepada Abu al-Ash bin Rabi’ah bin Abd’ Syams. Apabila baginda ingin sujud, diletakkan budak itu. Apabila berdiri, baginda akan mendukungnya.” – Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Begitu juga mengenai perbuatannya memanjat di atas belakang. Perkara ini pernah berlaku pada Rasulullah s.a.w sebagaimana diriwayatkan oleh Abdullah bin Syadad daripada ayahnya:

خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي إِحْدَى صَلَاتِي الْعِشَاءِ وَهُوَ حَامِلٌ
حَسَنًا أَوْ حُسَيْنًا فَتَقَدَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعَهُ ثُمَّ كَبَّرَ لِلصَّلَاةِ فَصَلَّى
فَسَجَدَ بَيْنَ ظَهْرَانِي صَلَاتِهِ سَجْدَةً أَطَالَهَا قَالَ أَبِي فَرَفَعْتُ رَأْسِي وَإِذَا الصَّبِيُّ عَلَى ظَهْرِ
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ سَاجِدٌ فَرَجَعْتُ إِلَى سُجُودِي

Maksudnya:

“Rasulullah s.a.w telah keluar pada salah satu solat Isyak dalam keadaan mendukung cucunya Hasan atau Husain. Baginda mara ke

depan (mengimami solat) lalu meletakkan cucunya di sebelah baginda. Kemudian, baginda bertakbir memulakan solat. Ketika solat, baginda telah melakukan sujud yang agak lama dari biasa. Ayahku berkata: Aku (ayahku) telah mengangkat kepalanya dan melihat budakkecil berada di atas belakang baginda. Ketika itu baginda sedang sujud. Lalu aku sujud semula.” – Hadis sahih riwayat al-Nasaai.

Wallahu a'lam.